KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | BH | | | |
| TARIKH | : | 26/7/2021 (ISNIN) | MUKA SURAT | : | 19 |
| JABATAN | : | KeTSA - Advertorial | | | |



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

BH, 26 Jul 2021_19

## SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA TAHUN 2021

- Disambut pada 26 Julai setiap tahun
- Tujuan sambutan: Meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk **memelihara dan memulihara ekosistem hutan paya laut** termasuk kawasan pesisiran pantai bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat.

### Definisi dan ciri-ciri Hutan Paya Laut

Hutan paya laut ialah sejenis hutan tanah lembap yang menghubungkan daratan dan lautan di sepanjang garis tropika dan subtropika

Hutan paya laut merupakan jenis hutan pertama yang diuruskan secara sistematik di negara ini bermula pada tahun 1905 di Larut Matang, Perak dan sehingga kini diiktiraf sebagai salah satu model pengurusan hutan paya laut terbaik di dunia

Kewujudan hutan paya laut dipengaruhi oleh beberapa faktor persekitaran seperti **aras laut, suhu air, saliniti, arus, ribut, kecerunan pantai dan sedimen.** Kebanyakan bakau hidup di pantai berselut

### Spesies utama

Malaysia mempunyai 42 spesies tulen tumbuhan bakau (*true mangrove species*).

*Sumber: Mangrove Guidebook for Southeast Asia, 2007*

*Rhizophora* | *Avicennia* | *Bruguiera* | *Ceriops* | *Sonneratia*

6 daripada 7 tapak RAMSAR di Malaysia terdiri dari kawasan hutan paya laut yang Berkepentingan Antarabangsa terutamanya sebagai habitat unggas air *(Important Bird Area)*

### Fungsi Hutan Paya Laut

- Habitat hidupan liar
- Nurseri spesies ikan dan udang
- Sumber makanan
- Kawalan banjir
- Penghalang bahan toksik
- Simpanan dan kawalan kitaran karbon
- Pelindung hakisan pantai
- Penyimpan nutrien dan sedimen
- Penghalang kemasukan air masin
- Pembekalan air
- Biodiversiti
- Perubatan
- Rekreasi dan pelancongan
- Sumber bahan semula jadi (sumber makanan dan kayu)
- Penyelidikan dan pembangunan
- Lokasi persinggahan burung migrasi

### Ancaman terhadap Hutan Paya Laut

- Pembangunan kawasan pesisir pantai
- Akuakultur
- Pertanian dan pencemaran yang **tidak terkawal**
- Hakisan pantai dan pembangunan kawasan pesisir pantai

Kadar kehilangan hutan paya laut adalah **3 hingga 5 kali** lebih tinggi daripada kadar kehilangan hutan global.

### Keluasan Hutan Paya Laut

Semenanjung Malaysia 110,953 hektar

Sabah 378,195 hektar

Sarawak 131,890 hektar

(Sumber: Status of Mangrove in Malaysia,FRIM 2020)

Sehingga 2018, keluasan Hutan Paya Laut dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal adalah sebanyak **334,000 hektar**
(Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, 2020)

Lebih daripada 6.8 juta pokok daripada spesies bakau dan hutan pantai telah ditanam melibatkan seluas 3,000 hektar sejak dari tahun 2005 di kawasan hutan paya laut dan hutan pantai di seluruh negara.

KeTSAMalaysia | Ketsa.malaysia | KETSAMalaysia | www.ketsa.gov.my